

## **BAB KEDUA**

### **TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN**

#### **2.0 Pendahuluan**

Walaupun fenomena pengulangan merupakan satu topik yang penting dalam kajian ilmu al-Bala:ghat melibatkan ilmu al-Ma'a:ni: namun sebahagian besar dari para sarjana hanya menyentuh perkara ini secara umum tanpa melibatkan contoh-contoh yang terperinci.

Setakat kajian penulis, terdapat banyak kajian yang telah ditulis oleh para sarjana muslim dalam berbagai bidang yang melibatkan tajuk pengulangan. Cuma tiada seorang yang penulis temui membuat kajian ke atas sesebuah surah secara terperinci. Penulis tidak membincangkan tentang pandangan para pentafsir al-Qur'an dalam bab kedua ini kerana mereka hanya menerangkan fenomena pengulangan ini secara sepintas lalu tanpa perbincangan yang komprehensif lagi sistematik.

Justeru, kajian-kajian yang dipilih oleh penulis sebagai rujukan utama yang menghuraikan tentang gaya bahasa pengulangan adalah buku yang dihasilkan oleh Mahmu:d bin Hamzat al-Karma:niyy menerusi buku beliau yang bertajuk *Asra:r al-Takra:r fi: al-Qur'a:n*, al-Suyu:tiyy menerusi kitabnya *Mu'tarak al-Aqra:n fi: I'ja:z al-Qur'a:n* dan Muhammad Abu: Zahrat menerusi karyanya yang bertajuk *al-Mu'jizat al-Kubra: al-Qur'a:n*. Selain itu penulis juga akan memetik kajian di Malaysia yang ditulis oleh 'Abd Alla:h Sa:bir Mahmu:d bertajuk *al-Ja:nib al-Tarbawiyy fi: Za:hirat al-Takra:r fi: Qasas al-Anbiya: A:dam wa Ibra:hi:m wa Mu:sa:*. Kajian ini merupakan tesis yang

disediakan olehnya ke peringkat sarjana di Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa.

Penulis akan memfokuskan kepada pendekatan yang diambil oleh ke empat penulis di samping menilai aspek-aspek kelebihan dan kekurangan dalam kajian mereka.

## **2.1 Kitab Asra:r al-Takra:r fi: al-Qur'a:n karangan Mahmu:d bin Hamzaṭ al-Karma:niyy**

Nama penuh pengarang kitab ini ialah Mahmu:d bin Hamzaṭ bin Nasr Abu: al-Qa:sim Burha:n al-Di:n al-Karma:niyy dan gelarannya ialah Ta:j al-Qurra:'. Beliau berasal dari Karma:n. Tahun lahirnya tidak dapat dipastikan. Beliau meninggal dunia pada tahun 505H bersamaan 1111M. Menurut Ya:qu:t al-Hama:wiy (t.t:5:291) beliau tidak melakukan pengembaraan untuk menuntut ilmu dan menyebarkannya menyebabkan nama beliau tidak begitu dikenali ramai jika dibandingkan dengan para ulama' lain yang merantau ke berbagai daerah untuk menyebarkan ilmu mereka. Walaupun demikian Ya:qu:t al-Hama:wiy telah menggambarkan: *“Beliau merupakan salah seorang ulama mulia yang terbilang, memiliki banyak karangan, amat dikagumi ramai kerana dalamnya kefahaman beliau dan kuatnya pengamatan beliau. Beliau tidak pernah meninggalkan negaranya dan tidak pernah berkelana”*. Hidup sekitar tahun 500 hijrah dan meninggal dunia dalam tahun itu. Antara kitab yang ditulis olehnya ialah Luba:b al-Tafsi:r wa 'Aja:'ib al-Ta'wi:l, al-'Ija:z fi: al-Nahw, al-Isya:ra:t wa al-'Unwa:n fi: al-Nahw dan lain-lain.

### **2.1.1 Pandangan al-Karma:niyy Terhadap Pengulangan Dalam Asra:r al-Takra:r fi: al-Qur'a:n**

Dalam kitabnya yang berjudul Kita:b Asra:r al-Takra:r fi: al-Qur'a:n (1977:40-42) menjelaskan tentang ayat-ayat mutasyabihat yang berulang-ulang dalam al-Qur'an dengan lafaz yang sama. Walaupun ayat-ayat itu kelihatan sama dari sudut mesej asas yang ingin disampaikan tetapi terdapat perbezaan dari sudut penambahan atau pengurangan perkataan, awalan atau akhiran sesuatu lafaz, susunan struktur, menggantikan sesuatu huruf dengan yang lain ataupun selainnya yang menyebabkan timbul perbezaan antara dua ayat yang berulang-ulang itu. Beliau turut menjelaskan mengapakah berlaku pengulangan itu dan apakah faedah yang terdapat di sebalik pengulangan tersebut, faktor-faktor yang menyebabkan penambahan dan pengurangan sesuatu lafaz, pendepanan atau pengakhiran dan penggantian. Beliau juga menjelaskan sebab sesuatu ayat yang kelihatan berulang dikhususkan dengan sesuatu partikel berbanding dengan yang lain. Selain itu, beliau cuba menjelaskan juga bahawa ayat yang kelihatan hampir sama dan berulang itu tidak boleh saling menggantikan antara satu dengan yang lain walaupun kelihatan sama (al-Karma:niyy:1977).

Pendekatan huraian al-Karma:niyy dalam kitab beliau ini dilaksanakan mengikut susunan surah-surah dalam al-Qur'a:n yang bermula dari surah al-Fa:tihaḥ dan berakhir dengan surah al-Na:s.

Sebagai contohnya, al-Karma:niyy (1977:65) kajian beliau dimulai dengan membincangkan perkataan الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ yang berulang pada dua tempat dalam surah al-

Fa:tihaṭ iaitu dalam ayat pertama dan ayat ketiga. Beliau menjelaskan bahwa terdapat dua pandangan dalam mentafsirkan fenomena ini iaitu:

- i. Menurut ‘Ali: bin ‘I:sa:, pengulangan berlaku kerana penegasan. Perkara ini biasa berlaku seperti kata penyair:

هَلَّا سَأَلْتَ ِ جُمُوعَ كِنْدَ  
دَةَ يَوْمَ وَلَوْ أَيْنَ أَيْنَا

Maksudnya: “Alangkah baiknya jika awak bertanya kepada penyokong-penyokong Kindaṭ, pada hari mereka lari dari medan: kemana? Kemana?”.

- ii. Menurut Qa:sim bin Habi:b pengulangan ini berlaku disebabkan ayat yang kedua الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ didatangkan sekali lagi bagi menyempurnakan makna ayat supaya menjadi seperti di bawah:

وَجَبَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ لِأَنَّهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: “Wajib ke atas kita untuk memuji Allah kerana Dia adalah maha pemurah dan penyayang”.

- iii. Al-Karma:niyy kemudiannya menyatakan pendiriannya berhubung pengulangan:

قُلْتُ : إِنَّمَا كَرَّرَ لِأَنَّ الرَّحْمَةَ هِيَ : الْإِنْعَامُ عَلَى الْمُحْتَاجِ . وَذُكِرَ فِي الْآيَةِ الْأُولَى

الْمُنْعَمِ وَمَنْ يَذْكُرِ الْمُنْعَمَ عَلَيْهِمْ ، فَأَعَادَهَا مَعَ ذِكْرِهِمْ وَقَالَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ الْحَمْدُ

لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ


Maksudnya: “*Aku berkata: Sesungguhnya Dia mengulangi kerana rahmat merupakan anugerah ke atas orang yang memerlukan. Disebut dalam ayat yang pertama Allah yang memberi nikmat dan tidak pula disebut orang yang dianugerahi ke atasnya, dengan sebab itu Dia mengulanginya dengan turut menyebut mereka dan firmanNya: “Segala pujian bagi Allah Tuhan sekalian alam. Dia maha pemurah lagi maha penyayang”.*

Di sini kita dapat melihat pandangan al-Karma:niyy adalah lebih tepat. Walaupun pengulangan mempunyai unsur penegasan tetapi disebabkan ada mesej yang lebih kuat yang tersirat di sebalik yang tersurat seperti yang dijelaskan beliau, maka Allah s.w.t telah mengulanginya.

Selain itu pengulangan الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ buat kali kedua dalam ayat yang ketiga sebenarnya mempunyai nilai-nilai yang berbeza dari ayat yang pertama kerana frasa الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dalam ayat yang pertama merupakan frasa Adjektif kepada perkataan اللَّهُ. Frasa الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dalam ayat ke-3 pula merupakan frasa pemerian kepada perkataan رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Al-Karma:niyy (1977:66-68) seterusnya membincangkan tentang ayat yang pertama dalam surah yang kedua dalam al-Qur’an iaitu surah al-Baqarat. Beliau mengemukakan kewajaran Allah s.w.t mengulangi ayat اَلَمْ dalam beberapa surah daripada al-Qur’an. Menurut beliau ayat-ayat seperti ini tergolong dalam ayat-ayat mutasya:biha:t yang tidak dapat ditafsirkan. Menurut beliau ayat yang pertama dari surah al-A’raf juga menggunakan huruf-huruf yang sama dengan permulaan surah al-

Baqaraṭ melainkan ditambah satu huruf lagi iaitu huruf ص. Menurut beliau penambahan ini adalah disebabkan ayat yang datang selepasnya mengandungi huruf ص. Firman Allah s.w.t dalam ayat yang kedua surah al-A‘ra:f:



Maksudnya: “(al-Qur’an ini) sebuah Kitab yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad dari Tuhanmu). Oleh itu, janganlah ada perasaan bimbang dalam dadamu mengenainya, supaya engkau memberi amaran dengan al-Qur’an itu (kepada orang-orang yang ingkar), dan supaya menjadi peringatan bagi orang-orang yang beriman”.


Walaubagaimanapun penulis berpendapat bahawa pandangan yang dinyatakan olehnya tidak mempunyai hujah yang jelas. Perkara ini hanyalah merupakan teori beliau semata-mata.

Ayat ke-6 surah al-Baqaraṭ pula menyamai ayat ke-10 dari surah Ya:si:n. Cuma yang membezakan kedua ayat ini ialah dengan adanya partikel waw pada permulaan ayat dalam surah Ya:si:n. Firman Allah s.w.t dalam ayat ke-6 surah al-Baqaraṭ:



Maksudnya: “*Sesungguhnya orang-orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman*”.

FirmanNya pula dalam surah Ya:si:n ayat ke-10:



Maksudnya: *Dan (dengan sebab itu) sama sahaja kepada mereka, sama ada engkau beri amaran atau engkau tidak beri amaran kepadanya: mereka tidak akan beriman.*

Menurut al-Karma:niyy ayat ke-6 dari surah al-Baqarat ini merupakan frasa predikat kepada frasa subjek yang terdapat dalam ayat ini. Keadaan ayat ini sebelum pengguguran adalah seperti berikut:

إِنذَارُنَا أَوْ عَدَمُ إِنذَارِنَا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ

Maksudnya: “*Sama ada kami memberi peringatan ataupun tidak, maka ia tetap menyebabkan mereka tidak beriman*”.

Ayat ke-10 surah Ya:si:n pula bermula dengan partikel waw kerana ia merupakan ayat yang dihubungkan dengan ayat sebelumnya.

Sebenarnya apabila kita meneliti latar belakang turun ayat terdapat perbezaan yang besar antara ke dua ayat ini iaitu ayat ke-6 surah al-Baqarat menceritakan tentang golongan kafir ahli al-Kita:b sedangkan ayat ke-10 surah Ya:si:n menceritakan tentang golongan Arab jahiliah. Perbezaan antara dua golongan ini ialah Ahl al-Kita:b dari

kalangan Yahu:di: dan Nasra:ni: merupakan golongan yang pernah diutuskan para nabi dan memiliki kitab Tawra:t dan Inji:l manakala orang-orang Arab pada zaman jahiliah pula merupakan golongan yang tidak memiliki kitab samawi.

Justeru pendekatan yang diambil oleh al-Qur'an dalam ayat ke 6 surah al-Baqarāṭ ialah frasa *سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ* tidak diselangi dengan sebarang partikel kerana ia merupakan penjelasan tentang orang-orang kafir Ahl al-Kita:b itu.

Dalam ayat ke 10 surah Ya:si:n pula Allah s.w.t menyelangi dengan partikel *waw* kerana ayat ini merupakan satu ayat yang berdiri dengan sendirinya kerana ditujukan kepada golongan Arab jahiliah yang belum pernah mendapat petunjuk dari Allah s.w.t.

Al-Karma:niyy (1977: 89-90) menjelaskan bahawa pengulangan mesej juga berlaku dalam ayat ke 47 surah A:li 'Imra:n dan ayat ke 20 surah Maryam. Allah s.w.t berfirman dalam ayat ke 47 surah A:li 'Imra:n:



Maksudnya: “*Maryam berkata:” Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak, padahal aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun?*”.

Ini berbeza dari firmanNya dalam ayat ke 20 surah Maryam:





Maksudnya: “*Maryam bertanya (dengan cemas): Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak lelaki, padahal aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun, dan aku pula bukan perempuan jahat?*”.

Beliau kemudiannya menjelaskan sebab Allah s.w.t menggunakan dua perkataan yang berbeza iaitu **وَلَدٌ** dan **مَوْلَانِ** dalam keterangannya tentang kelahiran Nabi ‘I:sa: a.s.

Menurut beliau Allah s.w.t menggunakan perkataan **مَوْلَانِ** dalam surah Maryam kerana perkataan ini telah digunakan dalam ayat ke 19 sebelumnya.


FirmanNya:



Maksudnya: *Ia berkata: “Sesungguhnya aku pesuruh Tuhanmu, untuk menyebabkanmu dikurniakan seorang anak yang suci”.*

Justeru penggunaan perkataan ini sudah tentu lebih serasi berbanding dengan penggunaan perkataan **وَلَدٌ**. Minda para pembaca tentunya lebih bersedia apabila perkataan yang digunakan merujuk kepada perkataan yang sama yang telah digunakan sebelumnya.

Ini berbeza dari penggunaan perkataan dalam ayat ke 47 surah A:li ‘Imra:n kerana penceritaan kisah al-Masi:h ‘I:sa: dalam ayat sebelumnya hanya disebut secara umum sahaja. Firman Allah dalam ayat ke 45 sebelumnya:



Maksudnya: “(Ingatlah) ketika malaikat berkata: “Wahai Maryam! Bahawasanya Allah memberikan khabar yang mengembirakanmu, dengan (mengurniakan seorang anak yang engkau akan kandungkan semata-mata dengan) Kalimah daripada Allah, nama anak itu: Al-Masi:h, ‘I:sa: Ibn Maryam.”.

Walau bagaimanapun menerusi penelitian penulis al-Karma:niyy tidak mengupas lebih mendalam kewajaran pemilihan sesuatu perkataan dari sudut Fiqh al-Lughat.

Menurut Ibn Manzu:r (1990: 3 : 467), dalam kamusnya Lisa:n al-‘Arab:

الْوَلَدُ : الصَّبِيُّ حِينَ يُوَلَدُ

Maksudnya: “الْوَلَدُ ialah seseorang anak yang baru dilahirkan”.

Abu: al-Biqa:‘ al-Kafa:wiyy (1993: 951) juga menjelaskan dalam kitabnya al-Kulliyya:t:

الْوَلْدَانُ : صِبْيَانٌ ُ

Maksudnya: “الْوِلْدَانُ ialah anak-anak”.

Al-Kafa:wiyy menjelaskan bahawa perkataan الْوِلْدَانُ yang merupakan Kata Jamak kepada perkataan الْوَلَدُ yang bermaksud anak-anak. Beliau tidak menghuraikan lanjut tentang perkataan ini.

Seterusnya Ibn Manzu:r (1990: 12: 441), menjelaskan:

الْغُلَامُ : هُوَ مَنْ حِينَ يُوَلَّدُ إِلَى أَنْ يَشِيبَ

Maksudnya: “الْغُلَامُ bermaksud seseorang ketika dilahirkan hingga dia dewasa”.

Walau bagaimanapun, penulis tidak menemui sebarang penjelasan tentang perkataan الْغُلَامُ dalam kitab al-Kafa:wiyy.

Menurut al-Syanqi:tiyy (1996) menerusi tafsirnya Adwa:’ al-Baya:n fi: I:da:h al-Qur’a:n bi al-Qur’a:n mentafsirkan ayat yang ke 19 -20 surah Maryam:

أَيُّ لِيُعْطِيَهَا غُلَامًا أَيُّ وُلْدًا زَكِيًّا

Maksudnya: “..Allah akan memberinya anak (غُلَامًا) iaitulah anak yang bijak (وُلْدًا زَكِيًّا)”.

Al-Syanqi:tiyy yang terkenal dengan kaedah tafsir al-Qur’a:n dengan menggunakan ayat-ayat al-Qur’a:n yang lain turut menjelaskan persamaan antara kedua perkataan tersebut yang digunakan oleh Allah tentang kelahiran Nabi ‘I:sa:.

Menurut Zakariya: al-Ansa:riyy (1977:66-68) dalam Fath al-Rahma:n bi Kasyf ma: Yultabas min al-Qur'a:n, beliau menjelaskan:

قَوْلُهُ " قَالَتْ رَبِّ أَلَيْسَ لِي وَلَدٌ " قَالَ هُنَا "وَلَدٌ " وَفِي مَرْيَمَ " غُلَامٌ " لِأَنَّ ذِكْرَ الْمَسِيحِ تَقَدَّمَ هُنَا وَهُوَ وَلَدُهَا ، وَفِي مَرْيَمَ تَقَدَّمَ ذِكْرُ الْغُلَامِ

Maksudnya: *Firman Allah dalam kata Maryam: "Ya Tuhanku bagaimana mungkin aku mempunyai anak? ayat 47 surah A:l 'Imra:n. Allah menggunakan perkataan وَلَدٌ sedangkan dalam surah Maryam Allah menggunakan perkataan, kerana sebutan tentang al-Masi:h (المسيح) Nabi 'I:sa: telah disebutkan terlebih dahulu dalam surah A:li 'Imra:n ini, sedangkan dalam surah Maryam, Allah s.w.t telah mendahulukan dengan penggunaan perkataan (الغلام)".*

Al-Qa:simiyy (1994:5:73) dalam Maha:sin al-Ta'wi:l juga tidak menyentuh langsung perbezaan antara penggunaan dua kalimah yang berbeza dalam ayat yang berulang ini. Cuma beliau menjelaskan bahawa Allah s.w.t menambah frasa ( وَوَلَدٌ لَّكَ ) pada penghujung ayat yang ke 20 surah Maryam ini kerana surah ini turun lebih awal dari surah A:li 'Imra:n. Justeru ia perlu kepada huraian berbanding surah A:l 'Imra:n di mana Allah s.w.t tidak lagi menyebut frasa ( وَوَلَدٌ لَّكَ ) kerana ia diturunkan kemudian. Perkara yang sudah dijelaskan sebelumnya tidak perlu diulang sebut sekali lagi.

Al-Tha‘a:libiyy (2000: juz-1: 133-134) telah mengemukakan perbezaan yang jelas antara terminologi bahasa Arab yang berkaitan dengan peringkat tumbesaran anak dalam kitabnya Fiqh al-Lughat. Beliau menjelaskan, maksudnya:

*“Selagi anak itu di dalam rahim ibunya , maka ia dipanggil janin, apabila dilahirkan dipanggil wali:d (وَلِيدٌ), dan selagi belum menyempurnakan 7 hari, maka dipanggil sadi:gh (صَدِيغٌ) kerana bahagian pelipisannya (bahagian antara mata dan telinga) belum menjadi kuat , dan apabila dia menyusu maka dipanggil radi:’ (رَضِيغٌ), dan apabila diberhentikan dari susu maka dia dipanggil fa:tim (فَطِيمٌ), kemudian apabila dia mula menjadi kuat dan hilanglah daripadanya ketagihan untuk menyusu maka dia jahwasy (جَحْوَش). Berkata al-Azhariyy, perkataan ini seolah-olahnya diambil dari perkataan al-jahsy iaitu anak hima:r. Kemudian apabila dia mula merangkak maka dipanggil da:rij (دَارِجٌ), kemudian apabila ketinggiannya mencapai lima jengkal dipanggil ‘khuma:siyy’ (خُمَاسِيٌّ). Apabila gugur empat batang gigi hadapannya maka dipanggil mathghu:r (مَثْغُورٌ), maka apabila tumbuh gigi-giginya selepas gugur, digelar muttagir (مُتَّغِرٌ). Apabila melewati usia sepuluh tahun atau melepasinya maka dia digelar mutara‘ri’ (مُتَرَعِرٌ) atau na:siy’ (نَاشِيَةٌ). Apabila sampai ke umur mimpi, maka digelar ya:fi’ (يَافِعٌ) atau mura:hiq (مُرَاهِقٌ). Apabila dia bermimpi (ba:ligh) dan mula menghimpun kekuatan, digelar hazawwar (حَزَوْرٌ), dan semua nama ini dalam peringkat umur ghula:m (غُلَامٌ).*

Berdasarkan penjelasan oleh al-Tha‘a:libiyy dalam kitabnya Fiqh al-Lughat jelas kepada kita tentang perbezaan yang terdapat pada kedua perkataan yang digunakan oleh Allah dalam surah A:l ‘Imra:n dan surah Maryam. Perkataan yang digunakan dalam

surah A:l ‘Imra:n adalah (وَلَدٌ) kerana ia merupakan suatu makluman dari Jibril a.s bahawa Maryam akan dikurniakan seorang bayi lelaki. Ini berbeza dari surah Maryam apabila Allah s.w.t menggunakan perkataan (عُلَامٌ) sebagai menunjukkan bahawa anak ini akan berpanjangan usianya bagi memenuhi tanggungjawab sebagai rasul yang akan berdakwah kepada manusia. Ayat ini memperkukuhkan makna yang dikemukakan dalam ayat surah A:l ‘Imra:n yang menggunakan perkataan (وَلَدٌ) yang membuka ruang untuk ditimbulkan keraguan tentang kelangsungan hayat anak ini.

Justeru, menerusi penjelasan-penjelasan di atas, jelaslah kepada kita bahawa pengulangan-pengulangan yang terdapat dalam al-Qur’an sebenarnya mengandungi mesej-mesej yang berlainan antara satu dengan yang lain lebih tepat berbanding dengan huraian yang dikemukakan oleh para sarjana yang lain.

Kesimpulannya ialah pengulangan kisah Nabi ‘I:sa: pada dua tempat menerusi dua surah yang berlainan ini dengan menggunakan dua perkataan yang berbeza iaitu وَلَدٌ dalam surah A:l ‘Imra:n dan perkataan عُلَامٌ dalam surah Maryam mengandungi rahsia yang tertentu.

Seterusnya al-Karma:niyy (1977:103-104) turut memperjelaskan pengulangan ayat-ayat yang berkaitan dengan perintah menjalankan hukum syara' menerusi 3 tempat dalam surah al-Ma:'idat. Firman Allah dalam ayat ke 44 surah al-Ma:'idat:



Maksudnya: *“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir”*.

FirmanNya dalam ayat ke 45 selepasnya pula:



Maksudnya: *“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”*.

Dalam ayat ke 47 pula Allah menjelaskan:



Maksudnya: *“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik”*.

Beliau menjelaskan bahawa ayat-ayat ini ditujukan kepada 3 golongan iaitu pemimpin di kalangan orang-orang Islam, pemimpin dari kalangan Yahudi dan pemimpin di kalangan orang-orang Kristian.

Namun begitu beliau juga tidak menafikan kebenaran pendapat yang mengatakan bahawa ketiga istilah iaitu ka:fir, za:lim dan fa:siq itu juga boleh merujuk kepada golongan yang sama. Pandangan beliau yang kedua ini bertepatan dengan pandangan al-Nasafiyy (2000: 289) yang menjelaskan:

يَجُوزُ أَنْ يُحْمَلَ الْجُحُودُ فِي ثَلَاثٍ , فَيَكُونُ كَافِرًا ظَالِمًا فَاسِقًا ، لِأَنَّ الْفَاسِقَ الْمُطَّلَقَ  
وَالظَّالِمَ الْمُطَّلَقَ هُوَ الْكَافِرُ

Maksudnya: “Harus dimaksudkan dengan keengkaran itu dalam ketiga sifat itu, menjadikannya ka:fir, za:lim dan fa:siq kerana seseorang yang benar-benar fa:siq dan benar-benar za:lim adalah seorang yang ka:fir sebenarnya.”

Selain itu antara pengulangan ayat yang sering berlaku juga yang dibincangkan oleh al-Karma:niyy (1977:76) ialah ayat menerusi surah Yu:nus dan surah al-Zumar.

Ayat yang dimaksudkan itu ialah firman Allah s.w.t dalam surah Yu:nus ayat ke-19:

عَمَّا يُخَالِفُونَ بِأَنَّهُمْ لَأُولَئِكَ أَلَمَتْ أَعْيُنُهُمْ لِيَكْفُرُوا بِمَا كَانُوا عَلَىٰهَا يَتَّبِعُونَ ۚ


Maksudnya: “mengenai apa yang mereka perselisihkan itu.”

Dalam ayat ke 3 surah al-Zumar pula Allah s.w.t berfirman:





Seterusnya al-Karma:niyy (1977:76-77) mengemukakan perbezaan penggunaan antara dua ayat yang mengisahkan tentang golongan Yahudi yang mendakwa memperoleh keistimewaan-keistimewaan yang tidak diperolehi oleh umat Islam. Pertamanya firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarat ayat yang ke 94-95:



Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi): "Kalau syurga negeri akhirat itu telah menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang-orang lain (seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang-orang yang benar". Dan sudah tentu mereka tidak akan mencita-citakan mati itu selama-lamanya”.

Dalam ayat 7 surah al-Jumu‘at pula Allah s.w.t berfirman:



Maksudnya: “Dan (sudah tentu) mereka tidak akan bercita-cita hendakkan mati itu selama-lamanya”.

Kedua-dua ayat di atas kelihatan sama tetapi perbezaannya ialah pada penggunaan partikel لَنْ menerusi surah al-Baqarat dan partikel لَا menerusi surah al-Jumu‘at.

Menurut al-Karma:niyy (1977 : 76-77), Allah menggunakan partikel كُنْ dalam ayat ke 95 surah al-Baqarat kerana orang-orang Yahudi mengatakan secara terang-terangan bahawa mereka sahaja yang layak mendapat balasan baik di akhirat. Justeru Allah s.w.t menampik mereka dengan suruhanNya kepada mereka agar meminta disegerakan kematian jika mereka benar-benar yakin akan kebaikan yang sedang menanti mereka. Apabila mereka mengkhususkan balasan syurga hanyalah disediakan oleh Allah untuk mereka maka sudah tentulah Allah menggunakan satu gambaran yang tegas dengan penggunaan partikel كُنْ yang bermaksud selama-lamanya.

Menurut al-Karma:niyy (1977:76-77), Allah s.w.t menggunakan partikel لَا dalam ayat ke-7 surah al-Jumu'at kerana golongan yahudi hanya mendakwa bahawa mereka memiliki hubungan yang rapat dengan Allah (أَوْلِيَاءُ اللَّهِ). Jadi penggunaan partikel لَا sudahpun memadai sebagai penafian terhadap kesanggupan untuk mati itu.

Hakikatnya mereka sekali-kali tidak akan sanggup menghadapi kematian yang akan berlaku itu. Jika mereka mengkhususkan balasan baik di akhirat hanya diperuntukkan buat mereka sudah tentulah mereka berlumba-lumba untuk mati lebih awal, tetapi sebaliknya mereka adalah golongan yang penakut menghadapi kematian disebabkan angkara perbuatan mereka di dunia. Dengan sebab itu penggunaan partikel كُنْ adalah sangat menepati konteks ayat. Penggunaan partikel لَا sangat sesuai kerana

dalam ayat yang ketujuh ini kerana mereka cuma mendakwa kelebihan dari sudut hubungan dengan Allah yang tidak dimiliki oleh orang lain selain mereka. Ini kerana mendakwa memiliki hubungan yang rapat tidaklah serius berbanding dakwaan memiliki keutamaan yang khusus pada hari akhirat.

Demikianlah pendekatan yang diambil oleh beliau iaitu bermula dengan membincangkan tentang sesuatu ayat yang berulang dengan membandingkannya samada dalam surah itu sahaja atau dengan mengemukakan contoh-contoh yang sama dari surah yang berasingan. Beliau kerap mengemukakan pandangan-pandangan para sarjana sebelum membuat kesimpulan berdasarkan pandangan beliau sendiri.

Meneliti perbincangan-perbincangan beliau berkaitan fenomena pengulangan ayat-ayat al-Qur'an, selain dari kelemahan memberikan fokus kepada sudut Fiqh al-Lughah, kelemahan beliau yang paling ketara yang lain adalah dari sudut pengetahuan tentang hadith dan ilmu Asbab al-Nuzul. Walaupun seseorang itu mempunyai penguasaan bahasa yang tinggi sekalipun, namun kegagalan menyandarkan sesuatu fakta kepada sumber yang diyakini seperti hadith dan athar boleh menyebabkan sesuatu fakta yang dikemukakan diragui kebenarannya.

Menurut al-Alusiyy (1994:1:14-15), dalam kitab tafsirnya, pentafsir al-Qur'an wajar menguasai perkara-perkara di bawah:

1. Ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab. Seseorang ahli tafsir al-Qur'an hendaklah memahami lafaz yang digunakan yang mengandungi lebih dari

satu makna. Menurut al-Dahha:k, seseorang yang tidak memahami bahasa Arab diharamkan dari mentafsir al-Qur'an.

2. Ilmu-ilmu Bala:ghaṭ iaitu komponen-komponennya al-Ma'a:ni: Al-Baya:n dan al-Badi:'.  
3. Penentuan sesuatu yang bersifat umum dan kurang jelas, ilmu Asba:b al-Nuzu:l, Nas:ikh dan Mansu:kh serta ilmu al-Hadi:th.

## **2.2 Kitab Mu'tarak al-Aqra:n fi I'ja:z al-Qur'a:n karangan 'Abd al-Rahma:n bin al-Kama:l Abi: Bakr bin Muhammad al-Khudayriyy al-Suyu:tiyy**

Nama penuh pengarang kitab Kitab Mu'tarak al-Aqra:n fi I'ja:z al-Qur'a:n karangan 'Abd al-Rahma:n bin al-Kama:l Abi: Bakr bin Muhammad a-Khudayriyy al-Suyu:tiyy. Beliau merupakan seorang pemikir Islam dan penulis yang terkemuka. Beliau lebih dikenali dengan nama al-Ima:m al-Suyu:tiyy. Dilahirkan dalam wilayah Suyu:t yang terletak di selatan negara Mesir dalam keluarga yang mencintai ilmu. Sejak dari kecilnya telah menghafaz al-Qur'an dan menghadiri majlis-majlis ilmu yang disampaikan oleh para ulama terbilang pada zamannya.

Menurut al-'Idru:siyy (t.t:165) dalam kitab al-Nu:r al-Safi:r, al-Suyu:tiyy telah pun dibawa oleh ayahnya seawal usia tiga tahun untuk menghadiri majlis ilmu yang disampaikan oleh al-Ha:fiz Ibn Hajar.

Menurut Ibn al-‘Ima:d (1978:3:67) dalam kitab al-Kawa:kib al-Sa:’irat al-Suyu:tiyy merupakan seorang sarjana yang mahir dalam berbagai bidang ilmu Islam dan telah menyalurkan kefahamannya itu dalam bentuk karangan-karangan yang hebat. Tulisan-tulisannya telah berjaya merungkaikan berbagai masalah yang selama ini tidak difahami dengan tepat oleh masyarakat. Perkara ini telah menyebabkan kemasyhurannya di seluruh pelusuk dunia Islam.

Ibn al-‘Ima:d (1978:3:67) dalam kitab al-Kawa:kib al-Sa:’irat menjelaskan bahawa al-Suyu:tiyy telah menghimpunkan idea-ideanya menerusi tulisan-tulisannya yang melebihi 300 buah melibatkan disiplin al-Qur’an, Hadis, Bahasa Arab, Sejarah dan Fiqh.

Antara buku yang ditulis oleh beliau melibatkan ‘ilm al-Ma’a:ni: yang membicarakan tentang fenomena pengulangan ialah kitab Mu’tarak al-Aqra:n fi: I’ja:z al-Qur’a:n.

### **2.2.1 Pandangan al-Suyu:tiyy Terhadap Pengulangan Dalam Mu’tarak al-Aqra:n.**

Al-Suyu:tiyy (2003:1:223) menghuraikan masalah pengulangan ini dalam kitab Mu’tarak al-Aqra:n di bawah tajuk al-Itna:b. Al-Suyu:tiyy menjelaskan:

التَّكْرِيرُ ، وَهُوَ أَبْلَغُ مِنَ التَّأَكِيدِ ، وَهُوَ مِنْ مَحَاسِنِ الْفَصَاحَةِ ، خِلَافاً لِبَعْضِ مَنْ عَاطَ

Maksudnya: “*Pengulangan adalah lebih kuat dari penegasan, merupakan cirri-ciri kefasihan, berbeza dari pendapat orang-orang yang silap*”.


Menerusi penjelasannya ini penulis membuat kesimpulan bahawa pengulangan merupakan satu teknik komunikasi yang berlaku dengan tujuan memperkukuhkan mesej yang ingin disampaikan. Ia adalah lebih berkesan daripada al-Ta'ki:d dan pendekatan ini menyumbang kepada sampainya mesej yang ingin dibawakan.

Al-Suyu:tiyy menerusi kajiannya menjelaskan perkara yang sama dengan penjelasan sarjana-sarjana yang lain bahawa pengulangan yang berlaku dalam al-Qur'an memenuhi salah satu dari objektif di bawah iaitu:

1. Sebagai penegasan ( التَّعْرِيرُ ). Hakikatnya, pengulangan kisah dan amaran penting agar manusia menyedari bahawa perkara itu adalah bersifat serius dan patut diberi perhatian.
2. Sebagai pengukuhan ( التَّأْكِيدُ ).
3. Sebagai memperbaharui memperingatkan buat kali kedua kerana dibimbangi telah dilupai kerana terlalu panjang ayat yang disampaikan selepas peringatan pertama ( خَشْيَةُ تَنَاسِي الْأَوَّلِ بِسَبَبِ طُولِ الْكَلَامِ ). Beliau mengemukakan contoh

firman Allah s.w.t dalam surah al-Nahl ayat ke 119:





Maksudnya: “Kemudian, sesungguhnya Tuhanmu terhadap orang-orang yang melakukan kejahatan dengan sebab kejahilan, kemudian mereka bertaubat sesudah itu serta memperbaiki amalannya, sesungguhnya Tuhanmu sesudah (mereka bertaubat) itu, adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

1. Untuk menimbulkan rasa tentang dahsyatnya sesuatu perkara agar ditakuti (لِلتَّعْظِيمِ وَ التَّهْوِيلِ). Sebagai contohnya ialah firman Allah s.w.t dalam surah al-

Ha:qqat ayat 1-2:



Maksudnya: “Saat yang tetap berlaku itu - Apakah dia sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu?”.

2. Sesuatu yang diulang itu sebenarnya memperjelaskan suatu segmen yang baru bukannya dengan perkara yang disebut sebelumnya. Antara contoh yang beliau kemukakan ialah pengulangan peringatan dari Allah s.w.t bahawa Dia telah mempermudah al-Qur’an untuk dihafaz dan dipelajari. Firman Allah dalam surah al-Qamar ayat ke-17:




Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya! Kami telah mudahkan al-Qur’an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”.



Ayat yang sama seperti ayat ke-17 surah al-Qamar ini telah diulang sebanyak empat kali. Pengulangan ini turut berlaku dalam ayat ke -22, 32 dan 40.


Mengkaji lebih lanjut tentang surah ini, penulis bersetuju dengan pendapat beliau. Kenyataannya ialah tiada pengulangan yang berlaku dalam surah ini. Ini adalah kerana ayat yang berbentuk peringatan ini disebut buat pertama kali dalam surah ini apabila Allah selesai membawakan episod tentang keengkaran kaum Nabi Nu:h a.s sehingga mengakibatkan ditimpakan azab ke atas mereka. FirmanNya dalam ayat ke 13-17 surah al-Qamar:



Maksudnya: “Dan Kami bawa naik Nabi Nu:h (berserta pengikut-pengikutnya) di atas (bahtera yang dibina) dari keping-keping papan dan paku; Yang belayar laju dengan pemeliharaan dan pengawasan Kami; (Kami melakukan yang demikian dan menimpakan taufan itu) sebagai balasan bagi orang-orang yang kufur ingkar! Dan demi sesungguhnya! Kami telah jadikan bahtera itu sebagai satu tanda yang menjadi pengajaran, maka adakah orang yang mahu beringat dan insaf? Oleh itu, perhatikanlah bagaimana buruknya azabKu dan kesan amaran-amaranKu. Dan demi sesungguhnya! Kami telah mudahkan al-Qur’an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”


Seterusnya Allah membawakan peringatan yang sama dalam ayat ke-22 selepas membawakan kisah tentang kengganan kaum ‘A:d untuk beriman kepada tuhan mereka.

FirmanNya dalam ayat ke 18-22:



Maksudnya: “(Demikian juga) kaum ‘A:d telah mendustakan Rasulnya (lalu mereka dibinasakan); maka perhatikanlah, bagaimana buruknya azabku dan kesan amaran-amaranKu! Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka angin ribut yang kencang, pada hari nahas yang berlanjutan; Yang menumbangkan manusia gugur bergelimpangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang terbongkar. Maka perhatikanlah, bagaimana buruknya azabKu dan kesan amaran-amaranKu! Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan al-Qur’an untuk peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”.


Peringatan ini diulang buat kali yang ketiga menerusi ayat yang ke 32 sebaik sahaja selesai episod sembelihan unta yang menjadi mukjizat Nabi Sa:lih a.s. Firman Allah dalam ayat ke 29-32 surah al-Qamar:



Maksudnya: “(Mereka selepas itu merasa bosan dengan keadaan unta itu dan berkira hendak membunuhnya), lalu mereka memanggil kawan mereka (yang sanggup membunuhnya), dia pun bertindak sampai dapat membunuhnya. Maka perhatikanlah, bagaimana buruknya azabKu dan kesan amaran-amaranKu! Sesungguhnya Kami hantarkan kepada mereka satu pekikan (yang dahsyat), lalu menjadilah mereka (hancur) seperti ranting-ranting dan daun-daun yang pecah hancur, yang dikumpulkan oleh pemilik kandang binatang ternak. Dan demi sesungguhnya! Kami telah mudahkan al-Qur’an untuk peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”.

Ayat ini diulang lagi menerusi peringatan yang ke empat sebelum berakhirnya surah ini bermula dari ayat ke 37-40.


Firman Allah:




Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya! Mereka telah memujuk Nabi Lut mengenai tetamunya, lalu Kami hapuskan biji mata mereka, serta (dikatakan kepada mereka): “Rasalah azabKu dan kesan amaran-amaranKu!” Dan demi sesungguhnya! Mereka telah ditimpa azab yang kekal pada pagi-pagi hari (esoknya). Lalu (dikatakan kepada mereka): “Rasalah azabKu, dan kesan amaran-amaranKu!” Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan al-Qur’an untuk peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”.

Kesimpulannya al-Suyu:tiyy ingin menerangkan bahawa pengulangan yang berlaku bukanlah pengulangan seperti yang difahami oleh kebanyakan orang. Ia sebenarnya memperbaharui sesuatu mesej baru yang berbeza daripada sebelumnya. Setiap kali diulang, maka para pendengar akan memberikan perhatian baru memandangkan maklumat baru yang dibawanya.

1. Al-Suyu:tiyy menjelaskan bahawa al-Zamakhshariyy berkata pengulangan perlu kerana setiap perkara yang disampaikan memerlukan penjelasan yang lain yang lebih khusus. Sebagai buktinya al-Suyu:tiyy mengemukakan bukti firman Allah s.w.t dalam ayat ke 131-132 dari surah al-Nisa:’ firmanNya:





Maksudnya: “Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi; dan demi sesungguhnya, Kami telah perintahkan orang-orang yang diberi Kitab dahulu daripada kamu, dan juga (perintahkan) kamu, iaitu hendaklah bertaqwa kepada Allah; dan jika kamu kufur ingkar, maka (ketahuilah) sesungguhnya Allah jualah yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji. Dan bagi Allah jualah apa yang ada di langit dan yang ada di bumi; dan cukuplah Allah sebagai Pengawal (yang mentadbirkan dan menguasai segala-galanya)”.

Menurut al-Suyu:tiyy (2003) pengulangan ayat (وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ)

sebanyak dua kali disebabkan perbezaan mesej yang dibawakan dalam kedua-dua ayat tersebut. Ayat ini disebut bagi untuk menampakkan keperluan manusia untuk bertaqwa kepada Allah s.w.t. Ketaqwaan yang merupakan tanda pergantungan mereka ini amat berbaloi kerana Allah yang mereka berharap padaNya itu berkuasa di langit dan di bumi.

Ayat yang sama diulang pada permulaan ayat yang ke 132 kerana mesej yang dikemukakan dalam ayat ini berbeza dari yang pertama. Ini disebabkan ayat yang kedua memfokuskan kepada kekuasaan Allah s.w.t dan penjagaanNya terhadap langit dan bumi, ilmu dan pentadbiranNya terhadap dunia.

### **2.3 Muhammad Abu: Zahraṭ Dan al-Mu‘jizaṭ al-Kubra: al-Qur’a:n**

Menurut al-‘A:qil (2000: 591-597) dalam *Min A‘la:m al-Da‘wat wa al-Harakat al-Isla:miyyat al-Mu‘a:sirat*, nama penuh Muhammad Abu: Zahraṭ ialah Muhammad bin Ahmad bin Mustafa: bin Ahmad bin ‘Abd Alla:h yang lebih dikenali dengan nama Abu: Zahraṭ. Beliau dilahirkan dalam tahun 1316 H bersamaan 29 Mac 1898 dalam Bandar al-Mahallaṭ al-Kubra: di sebelah barat negara Mesir. Beliau memulakan pendidikan awalnya di sekolah rendah di Masjid al-Ahmadiyy di Tanta:. Sekolah tersebut terletak di bawah penyeliaan Universiti al-Azhar. Beliau telah menghafaz al-Qur’an sejak dari kecil. Kemudian beliau telah menyambung pelajarannya dalam kursus undang-undang Islam di mana kebijaksanaannya mula dirasai oleh para guru. Beliau telah menamatkan pengajiannya pada tahun 1924M dengan keputusan cemerlang dengan keahlian untuk menjadi mahaguru (دَرْجَةِ الْأُسْتَاذِ). Kejayaan tersebut turut diiktiraf oleh Da:r al-‘Ulu:m sehingga dipilih untuk menjawat jawatan pensyarah ilmu-ilmu dalam pengkhususan syari’at dan bahasa Arab di Da:r al-‘Ulu:m, Kuliah Usuluddin di Universiti al-Azhar dan Kuliah Undang-undang di Universiti Kaherah. Beliau telah dilantik ke jawatan professor di Institut Pasca Siswazah al-Azhar pada tahun 1935. Seterusnya beliau dipilih sebagai ahli majlis Penyelidikan dan Pengembangan dan ketua Jabatan Syari’ah dan wakil Kuliyah Undang-undang dan Institut Kajian Islam. Beliau sentiasa aktif menyampaikan ceramah dalam seminar-seminar dan penulisan di Mesir dan seluruh dunia. Beliau telah meninggalkan hasil kajian ilmu dalam berbagai bidang termasuk Fiqh, al-Qur’an dan Tawhi:d menjangkau lebih dari 100 buah buku. Meninggal dunia pada tahun 1974.

### 2.3.1 Pandangan Muhammad Abu: Zahrat Terhadap Pengulangan

Muhammad Abu: Zahrat (1970: 142-146) memulakan perbincangan dalam kitabnya al-Mu'jizat al-Kubra: al-Qur'a:n tentang pengulangan dengan mengemukakan idea asas dalam komunikasi yang mengambil pendekatan menghuraikan sesuatu ayat al-Itna:b atau meringkaskannya al-I'ja:z.

Beliau telah memperbetulkan pandangan al-Ja:hiz dalam kitabnya al-Hayawa:n tentang menghuraikan dan meringkaskan. Al-Ja:hiz menyatakan:

رَأَيْنَا اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى إِذَا خَاطَبَ الْعَرَبَ وَالْأَعْرَابَ أَخْرَجَ الْكَلَامَ مَخْرَجَ الْإِشَارَةِ  
وَالْوَحْيِ وَالْحَدْفِ ، وَإِذَا خَاطَبَ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَوْ حَكَى عَنْهُمْ جَعَلَهُ مَبْسُوطاً وَزَادَ فِي  
الْكَلَامِ.

Maksudnya: “Kita dapat lihat bahawa Allah s.w.t apabila menunjukan sesuatu ucapan kepada orang-orang Arab dan A'ra:b, maka Dia akan menggunakan perkataan yang berbentuk isyarat dan wahyu serta pengguguran, dan apabila menunjukan sesuatu perkataan kepada kepada Bani Isra'il atau menceritakan tentang mereka maka ia menjadikannya panjang lebar dan menambah dalam penjelasannya”.

Bagi Muhammad Abu: Zahrat, walaupun al-Ja:hiz merupakan seorang sarjana Arab yang terkemuka, tetapi pandangan ini tidak begitu tepat kerana, pertama al-Jahiz menyebut Allah s.w.t “menambah dalam penjelasannya” (الْكَلَامِ مَبْسُوطاً وَزَادَ فِي).

Menambah sesuatu menurut penjelasan beliau seolah-olah menjadikan al-Qur'an







Maksudnya: “*Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan air (hujan) dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid). Atau siapakah yang telah menjadikan bumi tempat penetapan dan telah menjadikan sungai-sungai di antara bahagian-bahagiannya dan telah menjadikan untuknya gunung-ganang yang menetapnya; dan juga telah menjadikan di antara dua laut (yang masin dan yang tawar) sekatan (semula jadi) yang memisahkannya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan kebanyakan mereka (yang musyrik itu) tidak mengetahui. Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderit apabila ia berdoa kepadaNya, dan yang menghapuskan kesusahan, serta menjadikan kamu pengganti (umat-umat yang telah lalu) mendiami dan menguasai bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Amat sedikit di antara kamu yang mengingati (nikmat Allah itu)*”.

Menurut Ibn Jawziyy (2002: 1040) dalam tafsir Za:d al-Masi:r, jumbuh ulama’ bersepakat mengatakan bahawa keseluruhan surah al-Naml yang terdiri dari 93 ayat diturunkan oleh Allah s.w.t. sebelum peristiwa hijrah ke Madinah.

Sayyid Qutb (1992:5:2656-2657) dalam tafsirnya Fi: Zila:l al-Qur’a:n, mentafsirkan ayat 60-63 surah al-Naml:

وَيَتَوَالَى عَرْضُ هَذِهِ الْمَشَاهِدِ فِي إِيْقَاعَاتٍ مُؤَثَّرَةٍ ، تَأْخُذُ عَلَيْهِمْ أَقْطَارَ الْحِجَّةِ ، وَأَقْطَارَ  
 الْمَشَاعِيرِ ؛ وَهُوَ يَسْأَلُهُمْ أَسْئَلَةً مُتَلَاخِغَةً : مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ ؟ مَنْ أَنْزَلَ مِنَ  
 السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتِ بَهْجَةٍ ؟ مَنْ جَعَلَ الْأَرْضَ قَرَارًا ، وَجَعَلَ خِلَالَهَا  
 أَنْهَارًا وَ جَعَلَ لَهَا رَوَاسِي ، وَجَعَلَ بَيْنَ الْبَحْرَيْنِ حَاجِزًا ؟ أَمْ مَنْ يُجِيبُ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ  
 وَيَكْشِفُ السُّوءَ ؟ مَنْ يَجْعَلُكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ ؟

Menerusi penerangan Sayyid Qutb ini dapatlah kita mengambil pengajaran bahawa Allah s.w.t menggambarkan menerusi ayat-ayat ini berbagai tanda kekuasaanNya menerusi ciptaan-ciptaanNya yang unik. Bukti-bukti ini dikemukakan dalam bentuk huraian yang terperinci bagi menarik perhatian dan perasaan mereka. Perkara-perkara yang biasa mereka saksikan selama ini yang dianggap sebagai fenomena alam ini sebenarnya merupakan bukti yang tidak boleh disangkal tentang kewujudan Allah s.w.t. Kejadian-kejadian yang berlaku mengikut peraturan yang cukup sistematik ini sepatutnya boleh menimbulkan kesedaran terhadap mereka yang ingkar bahawa tuhan-tuhan yang mereka sembah tidak akan mampu menandingi kekuasaan Allah dalam ciptaanNya. Justeru mereka sepatutnya beriman kepada Allah dan mentauhidkanNya, sebagai tanda mensyukuri kejadian berbagai perkara itu yang merupakan anugerah nikmatNya kepada mereka.

Ayat yang memperjelaskan tentang kekuasaan Allah secara panjang lebar ini diturunkan kepada orang-orang Arab jahiliah bukannya seperti yang didakwa oleh al-

Ja: hiz bahawa ayat-ayat yang terperinci seperti ini hanyalah ditujukan kepada golongan Yahudi atau Nasrani (ahli Kitab).

Hujah ketiga menurut Muhammad Abu: Zahraṭ pendekatan menghuraikan sesuatu ayat al-Itna:b atau al-I:ja:z dalam al-Qur'an tidak berlaku secara kebetulan. Sebagai contohnya Allah s.w.t akan menghuraikan sesuatu perkara berkaitan tauhid dengan penghuraian. Demikian juga Allah s.w.t akan menghuraikan secara mendalam apabila mengemukakan tentang gambaran nikmat-nikmatNya.

Muhammad Abu: Zahraṭ (1970: 144) kemudiannya menjelaskan bahawa terdapat keadaan yang menyebabkan pendekatan menghuraikan sesuatu ayat al-Itna:b dan secara khususnya pengulangan adalah lebih efektif. Pengulangan ini berlaku dalam al-Qur'an untuk memperjelaskan tentang sesuatu kisah dari sudut-sudut yang berlainan.

Beliau menjelaskan bahawa kaedah penceritaan yang dikemukakan oleh al-Qur'an sebenarnya membawa mesej-mesej yang berlainan walaupun kelihatan sama. Objektif yang terakhir dari pembawaan sesuatu kisah adalah untuk difahami dari berbagai sudut.

Menurut beliau:

لَقَدْ تَكَرَّرَتْ قِصَصُ الْأَنْبِيَاءِ ، فَذُكِرَتْ قِصَّةُ نُوحٍ بِالْإِطْنَابِ أَحْيَانًا ، وَالْإِجْزَاءِ أَحْيَانًا ،  
وَذُكِرَتْ قِصَّةُ عِيسَى عِدَّةَ مَرَّاتٍ ، ، وَذُكِرَتْ قِصَّةُ إِبْرَاهِيمَ عِدَّةَ مَرَّاتٍ ، وَذُكِرَتْ قِصَّةُ  
مُوسَى عِدَّةَ مَرَّاتٍ ، وَ أَنْتَهُ يَبْدُو بِأَدْيِ الرَّأْيِ أَنَّ ذَلِكَ مِنْ مَكْرُورِ الْعُمُولِ ، وَفِيهِ التَّكْرَارُ ،  
فَمَا وَجْهُ الْبَلَاغَةِ فِي هَذَا التَّكْرَارِ ؟

إِنَّمَا إِذَا نَظَرْنَا نَظْرَةً فَاحِصَةً تَلِيْقُ بِمَقَامِ الْقُرْآنِ ، وَمَكَانَتُهُ فِي الْبَيَانِ الْعَرَبِيِّ ، بَجْدٍ أَنَّ التَّكْرَارَ فِيهِ لَهُ مَعْنَى ذَلِكَ أَنَّ الْقُرْآنَ لَيْسَ كِتَابَ فَصَصٍ وَلَيْسَ كَالرِّوَايَاتِ الْفَصْصِيَّةِ الَّتِي تَذْكُرُ الْحَوَادِثَ الْمُتَخَيَّلَةَ أَوْ الْوَاقِعَةَ .

إِنَّمَا فَصَّصُ الْقُرْآنُ وَهُوَ فَصَّصُ لِأُمُورٍ وَاقِعَةٍ ، يُسَاقُ لِلْعَبْرِ وَإِعْطَاءِ الْمَثَلَاتِ ، وَبَيَانِ مَكَانِ الضَّالِّينَ وَمَنْزِلَةِ الْمُهْتَدِينَ ، وَعَاقِبَةِ الضَّلَالِ وَعَاقِبَةِ الْهُدَايَةِ ، وَبَيَانِ مَا يُفَاوِمُ بِهِ النَّبِيُّونَ وَوَرَاءَهُمْ كُلُّ الدُّعَاةِ لِلْحَقِّ ، فَهُوَ فَصَّصٌ لِلْعِبْرَةِ بَيْنَ الْوَاقِعَاتِ ، لَا لِطَجَرِ الْمُتَعَمِّدِ مِنَ الْإِسْتِمْتَاعِ ، وَالْقِرَاءَةِ . وَلِذَلِكَ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي آخِرِ قِصَّةِ نَبِيِّ اللَّهِ يُوسُفَ : لَقَدْ كَانَ فِي قِصَّةِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ، مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Kisah-kisah para nabi telah diulang, antaranya ialah kisah Nab Nu:h yang telah diulang beberapa kali samada secara panjang, dan ringkas pada kali-kali yang lain. Kisah Nabi ‘I:sa: juga diulang beberapa kali dan kisah Nabi Ibrahim juga turut diulang beberapa kali. Demikian pula kisah Nabi Mu:sa: yang juga diulang beberapa kali. Dalam perkara seperti ini, sekilas pandang kelihatan seperti mengulanginya dalam fikiran. Dan padanya ada pengulangan, maka apakah aspek retorik yang ingin ditonjolkan dalam pengulangan ini?. Apabila kita mengkaji dengan kajian yang teliti sesuai dengan kedudukan al-Qur’an dan ketinggiannya sebagai penerangan yang diturunkan dalam bahasa Arab, kita akan mendapati pengulangan yang berlaku sebenarnya mempunyai objektif tertentu. Ini disebabkan al-Qur’an bukannya merupakan buku cerita dan bukan pula merupakan riwayat-riwayat yang mengemukakan peristiwa-peristiwa yang dikhayalkan ataupun yang benar-benar berlaku. Kisah-kisah al-Qur’an merupakan kisah-kisah terhadap perkara-perkara yang benar-benar

*berlaku. Ia dibawa sebagai pengajaran dan memberikan gambaran tentang azab, dan menerangkan tentang tempat orang-orang yang sesat dan tempat orang-orang yang mendapat hidayah, dan kesudahan terhadap kesesatan dan kesudahan terhadap hidayah, dan menerangkan tentang apa yang diperjuangkan oleh para nabi dan golongan yang datang selepas mereka di kalangan para pendakwah. Ia merupakan kisah-kisah sebagai pengajaran antara peristiwa-peristiwa yang terjadi, bukan semata-mata untuk menikmati keseronokan dan bacaan. Dengan sebab itulah Allah s.w.t berfirman dalam ayat yang ke 111 dari surah Yu:suf, maksudnya: “Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam al-Qur'an) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab ugama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.*


Bagi memperkukuhkan pandangannya itu Muhammad Abu: Zahraṭ (1970: 144) mengemukakan kisah Nabi Ibra:hi:m sebagai bukti bahawa pengulangan dalam kisah-kisah al-Qur'an sebenarnya mengandungi mesej-mesej yang berbagai. Beliau mengemukakan contoh 7 episod tentang cerita tentang Nabi Ibra:hi:m a.s dalam al-Qur'an.

Episod-episod itu adalah seperti di bawah:

1. Kisah binaan al-Ka'bat oleh Nabi Ibra:hi:m dengan anaknya Nabi Isma:'i:l a.s.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqaraṭ ayat 127:






Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Isma'il meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Ka'abah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkau lah yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui”.

Menurut al-Syawka:niyy (2000:135) dalam Fath al-Qadi:r, ayat di atas mengisahkan tentang mustajabnya doa Nabi Ibra:hi:m dalam ayat sebelumnya agar dikurniaan keberkatan kepada penduduk bumi Mekah. Dalam ayat ini pula Allah s.w.t memerintahkan pembinaan rumah ibadah yang pertama di muka bumi.

- 2. Kisah permintaan Nabi Ibra:hi:m agar diperlihatkan tentang kekuasaan Allah menghidupkan makhluk. Firman Allah s.w.t:




Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibra:hi:m (merayu dengan) berkata: “Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan makhluk-makhluk yang mati?” Allah berfirman: "Adakah


*engkau belum percaya (kepada kekuasaanku)? “Nabi Ibra:hi:m menjawab: “Bahkan (aku percaya dan yakin), akan tetapi (aku memohon yang demikian ialah) supaya tenteram hatiku (yang amat ingin menyaksikannya)”. Allah berfirman: “(Jika demikian), ambillah empat ekor burung, kemudian kumpulkanlah olehmu (dan cincanglah semuanya). Setelah itu letakkanlah di atas tiap-tiap sebuah bukit sebahagian daripadanya. Kemudian serulah burung-burung itu nescaya semuanya akan datang kepadamu dengan segera”. Dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.*

Menurut al-Zamakhsyariyy (1992) dalam tafsirnya al-Kasysya:f, permohonan Nabi Ibra:hi:m a.s itu bukanlah menampakkan sesuatu kecacatan pada imannya kerana beliau merupakan seorang yang paling kuat imannya. Nabi Ibra:hi:m a.s sebenarnya memohon dikurniakan suatu bukti yang dapat disaksikan dengan pancaindera untuk menguatkan keyakinan yang tersemat dalam hati. Ini adalah disebabkan perasaan syak mungkin dapat mempengaruhi sesuatu keyakinan. Justeru apabila keyakinan itu ditunjukkan dengan suatu bukti yang dilihat secara terang-terangan, maka sudah tentulah ia akan menjadi semakin kuat dan mengatasi serangan perasaan syak dan was-was yang selalu mempertikaikan kewajaran sesuatu perkara yang tidak dapat dilihatnya.

3. Kisah perdebatannya dengan Namru:dh tentang Tuhan yang sebenar. Firman

Allah s.w.t dalam surah al-Baqarat ayat 258:






Maksudnya: “*Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibra:hi:m (dengan sombongnya) mengenai Tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibra:hi:m berkata: "Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan Yang mematikan". Ia menjawab: "Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan". Nabi Ibrahim berkata lagi: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah dia dari barat?" Maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim”.*

Menurut al-Fakhr al-Ra:ziyy (2002: 4:24) dalam tafsirnya yang dinamakan dengan al-Tafsi:r al-Kabi:r, ayat ini menggambarkan satu babak dari perjuangan Nabi Ibra:hi:m a.s. Manakala Muja:hid, orang yang berhujah yang dimaksudkan itu ialah Namru:dh bin Kan‘a:n. Para ulama telah berbeza pandangan tentang waktu berlakunya perdebatan ini. Muqa:til berpendapat bahawa perdebatan ini berlaku selepas Nabi Ibra:hi:m didakwa bersalah kerana memecahkan berhala sewaktu kaumnya pergi berpesta, sebelum dihukum dibakar hidup-hidup. Pandangan lain pula mengatakan bahawa peristiwa ini berlaku selepas beliau dibakar dalam api.




Ayat ini pada pemerhatian penulis merupakan hujah yang tepat terhadap semua golongan yang mensyirikkan Allah s.w.t. Apabila diajukan permintaan agar mengubah sesuatu sistem yang kelihatan biasa seperti proses terbit dan tenggelam matahari, tentu sekali pihak yang menyembah selain Allah itu akan bingung.

3. Kisah Nabi Ibra:hi:m a.s menggunakan akalinya dengan suluhan fitrah yang sebenar mencari hidayah Allah. FirmanNya dalam surah al-An‘a:m ayat 74-75:



Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibra:hi:m a.s berkata kepada bapanya A:zar: “Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya aku melihatmu dan kaummu dalam kesesatan yang nyata”.

4. Kisah Nabi Ibra:hi:m a.s memecahkan patung berhala yang disembah kaumnya semasa mereka keluar berpesta. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Anbiya:’ ayat 51-70:







*Allah, ia pun berlepas diri daripadanya. Sesungguhnya Nabi Ibra:hi:m itu lembut hati lagi penyabar”.*

Penulis telah merujuk dalam al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfa:z al-Qur’a:n dan mendapati bahawa Kata Nama Ibra:hi:m a.s telah disebutkan sebanyak 69 dalam 25 surah dari surah-surah al-Qur’an.

Berdasarkan episod-episod penceritaan dalam perutusan Nabi Ibra:hi:m a.s ini, kita dapat membuat satu kesimpulan bahawa pengulangan peristiwa-peristiwa yang berlaku sebenarnya ingin mengetengahkan sesuatu penjelasan tentang kepentingan tauhid dalam hidup. Walaupun kisah-kisah itu melibatkan keadaan-keadaan dan individu-individu yang berbeza namun objektifnya yang paling utama adalah untuk menimbulkan kesedaran para pembaca bahawa Nabi Ibra:hi:m a.s merupakan nabi yang memperjuangkan tauhid dan menentang perbuatan-perbuatan yang syirik. Perkara ini selari dengan objektif mengemukakan kisah dalam al-Qur’an sebagai satu pendekatan untuk memperkuat keimanan kepada Allah.

Al-Tanta:wiy (1995:4) yang telah membahas kajiannya terhadap kisah-kisah al-Qur’a:n menerusi kitabnya al-Qissat fi: al-Qur’a:n juga telah membuat kesimpulan yang sama bahawa objektif di sebalik pengulangan kisah-kisah ini adalah untuk menekankan aqidah yang benar yang diperjuangkan oleh setiap individu yang terlibat.

#### **2.4 ‘Abd Alla:h Sa:bir Mahmu:d Dan Kajiannya al-Ja:nib al-Tarbawiy fi: Za:hiraṭ al-Takra:r fi: Qasas al-Anbiya:’: A:dam wa Ibra:hi:m wa Mu:sa:**

‘Abd Alla:h Sa:bir Mahmu:d yang merupakan bekas penuntut peringkat sarjana di fakulti pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 2006. Beliau telah menjelaskan dalam kajian beliau bahawa kisah-kisah yang dikemukakan dalam al-Qur’a:n bertujuan untuk mendidik. Kisah-kisah ini dikemukakan dengan pendekatan yang amat menarik dengan berbagai gaya melibatkan kepelbagaian dari sudut persembahan dan pemilihan perkataan. Perubahan gaya penceritaan hendaklah berbeza mengikut persediaan para pendengar. Menurut beliau apabila seseorang pendidik itu mahir dalam gaya penyampaian ini akan menyebabkan para pendengar dapat mengikuti tanpa rasa jemu dan bosan perkara-perkara yang disampaikan.

#### **2.4.1 Kajian ‘Abd Alla:h Sa:bir Mahmu:d Menerusi Bukunya al-Ja:nib al-Tarbawiy fi: Za:hiraṭ al-Takra:r fi: Qasas al-Anbiya’: A:dam wa Ibra:hi:m wa Mu:sa:**

Menurut ‘Abd Alla:h Sa:bir (2006:44) kisah-kisah tentang Nabi A:dam a.s. dikemukakan di beberapa ayat dalam surah-surah yang berlainan. Antara yang dibincangkan olehnya adalah berkaitan kejadian Nabi A:dam a.s buat perama kali. Terdapat ayat yang mengatakan kejadiannya daripada tanah (تُرَابٌ) sementara ayat yang lain menunjukkan kejadiannya tanah yang dicampur dengan air (طِينٌ) iaitulah dalam surah al-Sajadāṭ ayat ke-7. Dalam ayat yang lain pula ‘Abd Alla:h Sa:bir menjelaskan bahawa Allah s.w.t mengemukakan deskripsi kejadian manusia daripada tanah yang dibakar (كَالْفَخَّارِ صَلْصَالًا)

Sebagai kesimpulan, jelas beliau Allah s.w.t mengulangi gambaran kejadian Adam a.s dalam surah-surah yang berlainan supaya manusia menyedari kepentingan bersyukur kerana kejadian mereka sendiri merupakan suatu nikmat yang tiada tolok bandingnya. Peringkat-peringkat kejadian itu pula adalah berbeza antara satu dengan yang lain kerana setiap satu daripadanya merupakan proses yang unik yang melibatkan kombinasi berbagai komponen. Ini bermula dari pengumpulan tanah (تُرَابٌ). Tanah yang sifatnya senang diurai kemudian melalui proses percampuran dengan air menjadikannya tanah liat (طِينٌ). Tanah liat ini kemudiannya dibakar agar bertukar sifatnya menjadi kekeringan (صَلْصَالٌ كَالْفَخَّارِ). Inilah dia kehebatan kejadian manusia yang pertama iaitu Nabi A:dam a.s.

Walaupun deskripsi kejadian ini merujuk kepada berbagai objek yang berbeza tetapi setiap keadaan tersebut sebenarnya merujuk kepada asal yang satu iaitulah tanah. Cuma setiap proses yang dilaluinya menjadikannya berubah sifat tanpa menjejaskan komponen utama kejadian manusia iaitulah daripada tanah.

‘Abd Alla:h Sa:bir (2006:67) turut mengemukakan contoh-contoh tentang peristiwa perutusan Nabi Mu:sa: a.s. berdakwah kepada Fir ‘aun hingga Allah s.w.t telah mengenakan hukuman ke atas Fir‘aun iaitulah ditenggelamkan. Dalam penjelasan yang beliau kemukakan juga terbukti pengulangan yang berlaku juga sebenarnya terdapat perbezaan penceritaan di mana setiap satu menyempurnakan bahagian yang lain tanpa adanya sebarang percanggahan.

Justeru sebagai kesimpulan yang dikemukakan olehnya gaya penceritaan yang berbeza-beza seperti penceritaan perutusan para Nabi ini adalah suatu bentuk pengulangan yang besar faedahnya untuk menarik minat para pelajar. Maka setiap pendidik hendaklah menguasai kaedah yang amat penting seperti ini untuk terus menimbulkan minat dalam diri golongan yang dididik. Dalam masa yang sama pengulangan kisah-kisah ini juga akan menjadi motivasi kepada para pendidik agar terus menerus bertahan dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

## **2.5 Penutup**

Menerusi perbincangan terhadap kajian-kajian lalu, jelas kepada kita bahawa pengulangan merupakan suatu kaedah penyampaian maklumat yang penting. Ia merupakan satu pendekatan yang diambil oleh Allah s.w.t untuk menggambarkan sesuatu mesej dari berbagai aspek. Sesuatu makna hanya akan menjadi lebih jelas apabila diterangkan beberapa kali. Demikian juga tujuan pengulangan itu dilakukan oleh Allah adalah untuk menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan.

Para ilmunan dan sarjana Islam telah membincangkan fenomena pengulangan ini antara yang melakukannya secara ringkas dan yang lain membincangkannya dengan mendalam. Cuma belum ada di kalangan mereka yang cuba mempraktikkan idea pengulangan dalam bentuk yang menyeluruh melibatkan sesuatu surah yang tertentu menerusi kajian-kajian tafsir mereka.